

**Terima kasih Haron Din kerana percaya saya, kata Najib**  
**The Malaysian Insider**  
**July 5, 2015**  
**Oleh Mohd Farhan Darwis**

Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak hari ini mengucapkan terima kasih kepada pihak yang tidak sewenang-wenangnya mempercayai laporan The Wall Street Journal (WSJ) berhubung dakwaan beliau menerima berbilion ringgit ke dalam akaun peribadinya, termasuk Mursyidul Am PAS, Datuk Haron Din.

Najib menegaskan, beliau tidak akan sesekali mengkhianati kepercayaan rakyat Malaysia, apatah lagi harta benda mereka.

"Saya juga menjadi mangsa serangan mereka secara bertubi-tubi yang kebelakang ini kononnya saya songlap duit yang besar masuk dalam akaun peribadi.

"Saya berterima kasih, ramai juga yang kata tidak percaya berita itu, termasuk Haron Din, dia kata tak masuk akal saya lakukan perkara seperti itu," kata Najib ketika berucap dalam sebuah majlis berbuka puasa di Semenyih, Selangor petang tadi.

"Tentu sekali saya sebagai perdana menteri tidak akan mengkhianati rakyat Malaysia dan harta benda rakyat Malaysia," katanya.

Haron sebelum ini dilaporkan berkata, dakwaan WSJ itu tidak logik dan menggesa siasatan dilakukan terlebih dulu.

Katanya, jika seseorang individu hendak mengambil dana awam untuk tujuan tertentu, dia akan menggunakan akaun sulit dan bukannya menerusi akaun peribadi.

"Oleh itu, saya merasakan laporan itu mesti disiasat kebenarannya sama ada benar atau tidak.

"Jika sebelum ini banyak laporan dikaitkan dengan perdana menteri dan syarikat 1Malaysia Development Bhd (1MDB), tetapi setelah dijelaskan satu persatu, banyak berita didapati tidak benar," katanya, memetik laporan akhbar Utusan Malaysia.

Susulan kenyataannya itu, DAP menyuarakan rasa terkejut PAS mempertahankan Najib.

Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng berkata, melahirkan rasa terkejut kerana Haron mempertahankan Najib dengan mengatakan artikel The Wall Street Journal sebagai tidak logik.

Beliau berkata, menteri Umno sendiri tidak meluahkan kenyataan sedemikian untuk mempertahankan Najib.

"Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Shafie Apdal hanya menggesa Najib menjelaskan

dakwaannya itu dan menyamakan WSJ.

"Mereka tidak mengatakan dakwaan itu tidak logik. Tetapi PAS mengatakannya, ini petunjuk PAS di bawah kepimpinan baharu sudah berubah," kata ketua menteri Pulau Pinang itu kepada pemberita. – 5 Julai, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/terima-kasih-haron-din-kerana-percaya-saya-kata-najib>